



SILAT SELIGI TUNGGAL UNTUK PARA TAMU: Sekumpulan pesilat dari Perguruan Silat Seligi Tunggal mempersembahkan silat mereka kepada para tetamu, termasuk Encik Harun Abdul Ghani kelmarin.

Silat perlu tarik lebih ramai bekas penagih

- 8 MAY 1990

PERGURUAN silat setempat digesa supaya tampil mempelawa lebih ramai bekas penagih dadah menganggotai kumpulan mereka.

Ini kerana sebanyak 80 peratus penagih dadah yang dimasukkan ke pusat pemulihan dadah mengeluh bahawa hidup mereka membosankan dan mereka tidak mempunyai sebarang kegiatan atau hobi. **MNAKIK CELAH**.

Menyatakan demikian semasa memberi ucapan ringkas dalam majlis perasmian gelanggang silat Perguruan Silat Seligi Tunggal di Balai Rakyat Tanglin kelmarin, Setiausaha Politik (Ehwal Dalam Negeri), Encik Harun Abdul Ghani, berkata:

"Dengan menjemput bekas-bekas penagih dadah menganggotai perguruan anda, anda bukan sahaja dapat mengisi masa lapang bekas penagih dadah itu daripada menghabiskan masa di pusat-pusat membeli-belah dan kolong-kolong blok, malahan

anda juga dapat memainkan peranan dalam mendampingkan masyarakat Melayu dengan kegiatan-kegiatan di balai rakyat. Usaha ini sangat saya hargai."

Awal dari itu, Encik Harun juga melahirkan rasa tenerima kasih beliau kepada Anggota Parlimen Tanglin, Encik Lew Syn Pau, dan Jawatankuasa Balai Rakyat Tanglin kerana memberanikan penggunaan balai rakyat tersebut untuk latihan silat bagi perguruan itu.

Sementara itu, guru perguruan silat Seligi Tunggal, Encik Mohd Ramli Awi, 37 tahun, memberitahu *Berita Harian* bahawa terdapat 13 orang bekas penagih yang telah mendaftarkan diri untuk menganggotai perguruan itu. **MNAKIK CELAH**

Perguruan tersebut memang bercadang untuk membuat sumbangan dengan cuba menarik seramai mungkin bekas-bekas penagih dadah untuk menganggotai

perguruannya.

Kesedaran ini, menurut beliau, timbul daripada pelawaan Encik Harun mengundang pesilat-pesilat perguruan itu mengadakan pertunjukan di enam buah pusat pemulihan dadah pada awal Mac lalu.

Ia bertujuan menarik minat bekas penagih mengisi masa lapang mereka dengan menganggotai perguruan itu. **MNAKIK CELAH**

Sebanyak lapan buah perguruan telah menunjukkan 'permainan' masing-masing dalam majlis perasmian itu.